

26 MAR 1996

Osman - Mesyuarat

SAYA TIDAK MENGETAHUI MENGENAI MESYUARAT ITU, KATA OSMAN

ALOR SETAR, 26 Mac (Bernama) -- Tan Sri Haji Osman Aroff hari ini berkata beliau tidak mengetahui mengenai mesyuarat pada Khamis lepas oleh 22 Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah yang kemudian memutuskan untuk menolak sebarang usaha menggantikan beliau sebagai Menteri Besar.

Katanya beliau menghadiri majlis tahlil pada malam hari itu di kediaman rasmi Menteri Besar, Seri Mentaloon di sini tetapi tidak mengetahui satu mesyuarat diadakan di tempat yang sama kemudian pada malam itu.

Osman tidak tinggal di rumah rasmi kerajaan itu sebaliknya mendiami rumah persendirian di Lorong Menteri di sini.

"Saya tidak tahu (mengenai mesyuarat itu)," katanya ketika ditanya oleh pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kemajuan negeri di Wisma Darul Aman di sini.

Beliau enggan mengulas mengenai mesyuarat itu dan tindakan yang diambil oleh anggota dewan undangan negeri dari Umno, yang menerusi satu memorandum yang dikeluarkan, mengulangi sokongan mereka kepada Osman dan menolak sebarang langkah untuk menukar pucuk pimpinan negeri.

"Apa yang boleh saya katakan, ia membabitkan saya. Saya fikir lebih baik saya tidak berkata apa-apa pada waktu ini," katanya.

Osman juga enggan menjawab satu soalan sama ada beliau akan menasihati anggota dewan undangan terbabit daripada mengadakan mesyuarat itu dan mengeluarkan memorandum berkenaan jika beliau mengetahui mengenainya lebih awal lagi.

Tindakan oleh anggota-anggota dewan undangan berkenaan menerima kritikan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang semalam berkata bahawa adalah tidak konsisten dengan tradisi parti yang membuat keputusan selepas perundingan.

Beberapa pemimpin Umno juga mengkritik langkah itu, dengan naib presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata adalah lebih baik jika perkara itu dibincangkan secara peribadi dengan Dr Mahathir manakala Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berkata tindakan itu tidak wajar dan boleh dianggap sebagai melanggar disiplin. -- Bernama.

MFJ CR AHH